

Garis Panduan Geran Lab2Market
No. Rujukan : UKM-SPKPPP-PT(P)-INOVASI-AK04-
GP02 Garis Panduan Geran
Lab2Market
No. Semakan : 00
Tarikh Semakan : 1 Januari 2023



**PUSAT INOVASI & PEMINDAHAN TEKNOLOGI
(INOVASI@UKM™)
Universiti Kebangsaan Malaysia**

**GARIS PANDUAN
GERAN LAB2MARKET
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)
(PINDAAN 2020)**

**PUSAT INOVASI & PEMINDAHAN TEKNOLOGI (INOVASI@UKM™)
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 BANGI
SELANGOR**

Garis Panduan Geran Lab2Market
No. Rujukan : UKM-SPKPPP-PT(P)-INOVASI-AK04-
GP02 Garis Panduan Geran
Lab2Market
No. Semakan : 00
Tarikh Semakan : 1 Januari 2023



**PEMURNIAN GARIS PANDUAN
GERAN LAB2MARKET
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)
(PINDAAN 2021)**

BAHAGIAN 1: PERMOHONAN

1.1 PENGENALAN

- 1.1.1 Geran ini ialah satu inisiatif untuk meningkatkan kadar kejayaan terhadap usaha pengkomersialan hasil penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- 1.1.2 Geran ini akan membantu penyelidik untuk membuat kajian menyeluruh, menghasilkan rancangan dan strategi pengkomersialan teknologi secara lebih efektif bersama-sama dengan rakan industri yang telah dikenal pasti.
- 1.1.3 Geran ini tidak boleh dianggap pelaburan atau ekuiti tetapi merupakan geran pembangunan untuk digunakan khusus untuk manfaat pengkomersialan hasil penyelidikan UKM berdasarkan tujuan yang diluluskan.

1.2 DEFINISI

- 1.2.1 Geran Lab2Market (L2M) adalah dana pembuktian konsep industri [*industrial Proof of Concept (IPoC)*] bersama dengan syarikat kolaborasi bagi membangunkan Rancangan Pengkomersialan Teknologi (*Technology Commercialisation Plan - TCP*) untuk produk teknologi berasaskan harta intelek (HI) UKM (paten, perbaharuan utiliti, hak cipta, cap dagangan, rahsia dagangan, reka bentuk industri, rekabentuk susun atur litar bersepadu dan varieti baru tumbuhan).
- 1.2.2 Geran L2M ini disediakan untuk produk teknologi berasaskan HI UKM yang melepasi fasa penyelidikan dan pembangunan di makmal di mana tahap kesediaan teknologi adalah sekurang-kurangnya di tahap 5 (daripada 9) iaitu prototaip telah dibina serta berpotensi ke pasaran berdasarkan saringan awal pengkomersialan oleh panel penilai Jawatankuasa Teknikal Geran Lab2Market (JKTGL2M).

1.3 TUJUAN

- 1.3.1 Tujuan geran ini diwujudkan ialah untuk meningkatkan keberhasilan pengkomersialan dan mengurangkan risiko pengkomersialan dengan menyediakan rancangan pengkomersialan komprehensif di peringkat pra-komersial berdasarkan kajian terperinci pengkomersialan serta pengesahan nilai dan potensi HI dan produk teknologi UKM bersama dengan rakan industri.
- 1.3.2 Perkara yang akan dibiayai oleh geran ini ialah kos keseluruhan penghasilan *Technology Commercialisation Plan* (TCP) meliputi aktiviti-aktiviti pengumpulan data, analisa maklumat dan penyediaan laporan penulisan, grafik dan ilustrasi. Aktiviti yang dijalankan sepanjang tempoh projek dan TCP yang disediakan di akhir projek akan merangkumi 5 elemen yang dikenalpasti sebagai faktor utama kejayaan dalam pengkomersialan teknologi iaitu:-
- a) Pengesahan Teknologi dan Kanvas Perniagaan (*Technology Validation and Business Canvas*);
 - b) Penerimaan Pasaran dan Rancangan Pemasaran (*Market Acceptance and Marketing Plan*);
 - c) Keperluan Operasi dan Rancangan Pengurusan Operasi (*Operation Requirements and Operation Management Plan*);
 - d) Keperluan Modal dan Rancangan Kewangan (*Capital Requirement and Financial Plan*); dan
 - e) Persiapan Rekabentuk Permintaan Pasaran (*Market Demand Design*).

1.4 SYARAT PERMOHONAN

- 1.4.1 Permohonan terbuka kepada kakitangan akademik UKM (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah) dengan syarat-syarat berikut: -
- a) Kakitangan akademik warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama;
 - b) Bagi kakitangan akademik bukan warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama;
 - c) Kakitangan akademik yang bercuti belajar dan bercuti sabatikal (dalam dan luar negara melebihi tempoh enam (6) bulan) tidak dibenarkan membuat permohonan baharu. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan;
 - d) Tempoh perkhidmatan Ketua Penyelidik mestilah berbaki sekurang-kurangnya dua (2) tahun di UKM mulai daripada tarikh mula geran.

Garis Panduan Geran Lab2Market
 No. Rujukan : UKM-SPKPPP-PT(P)-INOVASI-AK04-
 GP02 Garis Panduan Geran
 Lab2Market
 No. Semakan : 00
 Tarikh Semakan : 1 Januari 2023

- 1.4.2 HI atau produk berkaitan HI telah melalui saringan potensi pengkomersialan oleh Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi (INOVASI@UKM™);
- 1.4.3 HI tersebut perlu mempunyai perkaitan yang jelas dengan projek yang dimohon;
- 1.4.4 Pemohon (disebut sebagai Ketua Projek selepas dianugerahkan Geran L2M);
- 1.4.5 Pemohon telah mempunyai Syarikat Kolaborasi dengan menyertakan profil syarikat yang lengkap termasuk bukti komitmen syarikat untuk terlibat dalam projek melalui surat hasrat (letter of intent, Lol) yang ditandatangani oleh wakil Pengurusan Syarikat Kolaborasi;
- 1.4.6 Syarikat Kolaborasi mesti menyumbang 40% (dalam bentuk wang tunai dan sumbangan bukan kewangan) dari jumlah peruntukan yang diluluskan di mana RM20,000.00 tersebut diambil kira sebagai fi komitmen/wang pendahuluan pelesenan HI yang terbentuk pada akhir projek. Contoh pengiraan seperti di bawah:

Jumlah Geran L2M yang diluluskan	Fi komitmen/wang pendahuluan pelesenan Syarikat Kolaborasi		Tujuan
	30% wang tunai	10% sumbangan bukan kewangan	
RM250,000.00	RM75,000.00	RM25,000.00	Wang tunai berjumlah RM 20,000.00 yang diterima adalah dikira sebagai wang pendahuluan pelesenan harta intelek yang akan dihasilkan
RM150,000.00	RM45,000.00	RM15,000.00	

- 1.4.7 Jawatankuasa Penilaian Geran Lab2Market (JKPGL2M) berhak memperakukan syarat-syarat tambahan atau pengecualian syarat-syarat utama seperti perkara 1.4.1 - 1.4.6 di atas yang bersesuaian sebelum Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan (JKP&P) yang dikendalikan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) meluluskan sesuatu permohonan.

1.5 TEMPOH PROJEK

1.5.1 Tempoh Diluluskan

Tempoh maksimum pembiayaan adalah selama dua (2) tahun, sebagaimana yang diluluskan oleh JKP&P.

1.5.2 Tambah Masa

Garis Panduan Geran Lab2Market
No. Rujukan : UKM-SPKPPP-PT(P)-INOVASI-AK04-
GP02 Garis Panduan Geran
Lab2Market
No. Semakan : 00
Tarikh Semakan : 1 Januari 2023

Permohonan tambah masa boleh dipertimbangkan sekiranya projek masih aktif dan terdapat aktiviti yang masih belum dicapai. Permohonan perlu menggunakan Borang Permohonan Tambah Masa Projek Geran L2M (UKM-SPKP-PIK-PK03-BO13). Syarat-syarat permohonan adalah:

- a) Permohonan perlu dikemukakan selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tarikh tamat projek;
- b) Penambahan masa hanya akan diberi sekali sahaja;
- c) Tempoh tambahan masa maksimum adalah tiga (3) bulan sahaja; dan
- d) Setiap permohonan perlulah disokong dengan Laporan Kemajuan Geran L2M yang terkini

1.6 TATACARA PERMOHONAN

- 1.6.1 Pemohon perlu menghantar Borang Permohonan Geran Lab2Market (2020) (**UKM-SPKPPP-PT(P)15-INOVASI-AK04-BR02**) beserta dokumen sokongan kepada Urusetia Pusat Inovasi & Pemindahan Teknologi (INOVASI@UKMTM); dan
- 1.6.2 Permohonan perlu dikemukakan kepada INOVASI@UKMTM pada atau sebelum tarikh tamat permohonan. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

1.7 PERATURAN PERBELANJAAN

- 1.7.1 Had maksimum pemberian geran L2M adalah RM250,000.00. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan akhir untuk sesuatu projek yang diperakukan oleh JKPG L2M adalah bergantung kepada keputusan JKP&P.
- 1.7.2 Pemindahan vot hanya dibenarkan sekali sahaja.
- 1.7.3 Geran ini boleh diguna mengikut vot berikut:

Vot 11000 (Upah dan Elaun)

Siling upah dan elaun bagi Pembantu Projek adalah RM48,000.00 sahaja sepanjang tempoh projek.

Pembantu Projek digalakkan terdiri daripada warganegara Malaysia dan yang berumur sekurang-kurangnya 21 tahun dan ke atas;

Pembantu Projek mestilah tidak dalam perkhidmatan dengan mana-mana syarikat;

Garis Panduan Geran Lab2Market
 No. Rujukan : UKM-SPKPPP-PT(P)-INOVASI-AK04-
 GP02 Garis Panduan Geran
 Lab2Market
 No. Semakan : 00
 Tarikh Semakan : 1 Januari 2023

<p>Lantikan Pembantu Projek dihadkan kepada satu (1) orang sahaja bagi setiap projek dalam satu-satu masa; dan Pembiayaan berikut TIDAK dibenarkan dengan menggunakan mana-mana vot:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lantikan untuk Pembantu Penyelidik (RA); • Lantikan pelajar latihan industri (internship); • Lantikan dalam kalangan kakitangan syarikat kolaborator; • Lantikan dalam kalangan pelajar; • Bayaran bulanan KWSP dan PERKESO; • Bayaran elaun makan dan lojing; • Bayaran elaun penginapan; dan • Bayaran elaun perjalanan.
Vot 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)
<p>Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik sahaja (tidak melebihi 15% daripada jumlah geran) yang berkaitan pengujian pasaran, promosi dan pameran sahaja;</p>
<p>Perjalanan domestik melibatkan pengangkutan udara hendaklah yang termurah;</p>
<p>Penggunaan vot hanya untuk ahli projek yang diperaku sahaja; dan</p>
<p>Pembiayaan perjalanan ke luar negara adalah TIDAK dibenarkan:</p>
Vot 24000 (Sewaan) – Sekiranya Perlu
<p>Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan pembangunan <i>Minimum Viable Product</i> (MVP). Setiap cadangan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan; dan</p>
<p>Bayaran sewaan bilik mesyuarat/dewan bagi tujuan pakej bengkel/program yang berkaitan dengan kelangsungan projek adalah tertakluk atas kelulusan JKP&P selepas perakuan Jawatankuasa Penilaian Geran Lab2Market (JKPGL2M) diperolehi.</p>
Vot 27000 (Bekalan dan Bahan) – Sekiranya Perlu
<p>Terhad kepada perbelanjaan berkaitan bahan untuk pembangunan <i>Minimum Viable Product</i> (MVP) sahaja; dan</p>
<p>Pembiayaan berikut TIDAK dibenarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kertas, toner, cakera padat, pemacu pena, cakera keras, alat tulis, perisian anti-virus, bahan rujukan dan pembayaran bil utiliti; dan • Pembelian bekalan dan bahan daripada Syarikat Kolaborasi.
Vot 28000 (Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai) - Sekiranya Perlu

Garis Panduan Geran Lab2Market
 No. Rujukan : UKM-SPKPPP-PT(P)-INOVASI-AK04-
 GP02 Garis Panduan Geran
 Lab2Market
 No. Semakan : 00
 Tarikh Semakan : 1 Januari 2023

	<p>Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil (sekiranya perlu); dan</p> <p>Pembiayaan berikut TIDAK dibenarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengubahsuaian premis; • Pembelian peralatan pejabat; dan • Sebarang pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan pembangunan <i>Minimum Viable Product</i> (MVP). <p style="text-align: center;">Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)</p> <p>Vot ini meliputi bayaran perkhidmatan profesional, honorarium dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pembangunan <i>Minimum Viable Product</i> (MVP). Ini tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian Geran Lab2Market (JKPGL2M).</p> <p>Pembiayaan berikut adalah dibenarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran untuk mendapatkan khidmat perunding luar bagi analisis pasaran; • Bayaran untuk kaji selidik pasaran menggunakan borang kaji selidik/upah bayaran kepada peserta kaji selidik untuk sampel yang diuji serta bayaran bagi pembangunan pelan perniagaan. • Bayaran untuk pendaftaran, persijilan dan piawaian produk yang akan dibangunkan. Termasuk bayaran untuk pengujian produk berdasarkan piawaian industri berkaitan dan mengikut spesifikasi yang dibenarkan; • Bayaran untuk perkhidmatan profesional (tidak termasuk profesional yang berkaitan secara langsung dengan projek) bagi reka bentuk dan pembungkusan produk; • Bayaran untuk perkhidmatan helaian sebaran samada brosur/poster/risalah (bayaran dari segi rekabentuk, kos pencetakan dan kos bahan pencetakan) bagi tujuan iklan, promosi dan pemasaran; dan • Bayaran perkhidmatan profesional untuk pembinaan booth pameran dan bayaran upah kepada penjaga <i>booth</i> sambilan untuk makan minum sepanjang pameran tersebut dengan kadar RM30.00 sehari bagi aktiviti pameran/promosi; <p>Pembiayaan berikut TIDAK dibenarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran honorarium kepada Ketua Projek dan ahli kumpulan; • Bayaran honorarium kepada kakitangan Syarikat Kolaborasi; • Bayaran fi keahlian badan profesional; dan <p>Untuk caj perkhidmatan analisis yang melebihi RM500.00 perlu menggunakan kaedah pembayaran melalui pesanan rasmi.</p>
--	---

Garis Panduan Geran Lab2Market
 No. Rujukan : UKM-SPKPPP-PT(P)-INOVASI-AK04-
 GP02 Garis Panduan Geran
 Lab2Market
 No. Semakan : 00
 Tarikh Semakan : 1 Januari 2023

Walau bagaimanapun, untuk caj perkhidmatan analisis dalaman (antara jabatan). Permohonan secara bertulis perlu dibuat terlebih dahulu melalui Inovasi@UKM™.

Vot 35000 (Aksesori dan Peralatan)

Pembelian peralatan dan aksesori yang berkaitan dengan pembangunan *Minimum Viable Product* (MVP) sahaja. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan. Jumlah yang dipohon adalah tidak melebihi 40% daripada jumlah geran.

1.8 OUTPUT PROJEK

1.8.1 Output projek adalah dalam bentuk Laporan Kes (*Case Report*) yang merangkumi:

- a) **Laporan Kes & Analisis Pasaran**
Laporan-laporan kes dan analisis-analisis pasaran yang berkaitan dengan produk yang ingin dibangunkan; dan/atau
- b) **Pelan Perniagaan**
Pelan perniagaan yang dibangunkan bersama dengan syarikat Kolaborasi untuk produk tersebut berdasarkan analisis yang telah dijalankan mengikut templat yang disediakan oleh INOVASI@UKM™; dan/atau
- c) **Harta Intelekt**
Setiap projek **diwajibkan** untuk memfailkan sekurang-kurangnya satu (1) harta intelek:
 - i. Ketua Projek diwajibkan memfailkan sekurang-kurangnya satu (1) harta intelek selepas setahun projek dimulakan.
 - ii. Harta intelek yang diambil kira sebagai hasil penyelidikan adalah seperti berikut:
 - (a) Paten (Patent);
 - (b) Hak Cipta (Copyright);
 - (c) Reka Bentuk Perindustrian (Industrial Design);
 - (d) Petunjuk Geografi (Geographical Indication); atau
 - (e) Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu (Layout Design of an Integrated Circuit); dan/atau
- d) **Pengkomersialan**
Prototaip dikomersialkan kepada Syarikat Kolaborasi dan/ atau syarikat lain yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak; dan/atau
- e) **Prototaip**
 - i. Memenuhi ciri-ciri/objektif yang diluluskan; dan
 - ii. "*Minimum viable product*" yang sedia untuk diterimapakai pada skala pengkomersialan iaitu yang mencapai TRL 7-

9 (Rujuk Tahap Ketersediaan Teknologi (TRL) seperti di Jadual 1).

- 1.8.2 Jika output projek (a-e) seperti yang dinyatakan di atas, tidak dapat dicapai, Ketua Projek harus mengemukakan surat tunjuk sebab menjelaskan secara terperinci kegagalan mencapai objektif atau output projek. Sekiranya gagal berbuat demikian, Ketua Projek akan disenarai hitam daripada menerima sebarang dana daripada INOVASI@UKM™ dalam tempoh dua (2) tahun.
- 1.8.3 Hasil pengkomersialan perlu diagihkan mengikut Dasar Pengkomersialan Harta Intelek UKM 2018.
- 1.8.4 Syarikat Kolaborasi diberi hak untuk pelesenan produk dengan mengambilkira fi komitmen daripada Syarikat Kolaborasi sebagai sebahagian daripada bayaran pelesenan seperti di bahagian 1.4.6.
- 1.8.5 Semua HI yang terhasil daripada projek geran L2M ini adalah hak milik UKM sepenuhnya. Walau bagaimanapun, jika terdapat sebarang hubungan kontraktual berkenaan dengan hak pemilikan HI Antara UKM dan Syarikat Kolaborasi maka hubungan kontraktual tersebut mengatasi garis panduan ini. (Rujuk 4.3.5 Dasar Harta Intelek UKM 2018).

BAHAGIAN 2: PENILAIAN PERMOHONAN

2.1 PENILAIAN PERMOHONAN

- 2.1.1 Proses penilaian akan dijalankan secara berkala mengikut keperluan;
- 2.1.2 Pemohon dan Syarikat Kolaborasi mesti hadir untuk membentangkan permohonan kepada Jawatankuasa Penilaian Geran Lab2Market (JKPGL2M);
- 2.1.3 Pemohon diperuntukkan tempoh selama 10 minit untuk pembentangan cadangan projek dan 20 minit untuk sesi soal jawab;
- 2.1.4 Semua permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Geran Lab2Market (JKPGL2M) yang dilantik; dan
- 2.1.5 Carta alir Proses Permohonan L2M adalah seperti di Bahagian 7.

BAHAGIAN 3: KEPUTUSAN

3.1 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN

- 3.1.1 Keputusan permohonan Geran L2M dimaklumkan kepada Ketua Projek dan Syarikat Kolaborasi selepas mendapat kelulusan mesyuarat JKP&P;

Garis Panduan Geran Lab2Market
No. Rujukan : UKM-SPKPPP-PT(P)-INOVASI-AK04-
GP02 Garis Panduan Geran
Lab2Market
No. Semakan : 00
Tarikh Semakan : 1 Januari 2023

- 3.1.2 Sekiranya diluluskan, Ketua Projek dan Syarikat Kolaborasi akan menerima surat tawaran dan perlu menandatangani Surat Pengakuan Penerimaan; dan
- 3.1.3 Surat Pengakuan Penerimaan mesti dikembalikan kepada Urus setia Geran L2M selewat-lewatnya 14 hari bekerja selepas pemakluman keputusan kepada pemohon.

BAHAGIAN 4: LAPORAN

4.1 LAPORAN KEMAJUAN

- 4.1.1 Ketua Projek bertanggungjawab menghantar Laporan Kemajuan projek melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU) setiap enam (6) bulan;
- 4.1.2 Kemajuan projek geran ini akan dipantau oleh Inovasi@UKM™ menurut carta perbatuan yang telah diluluskan; dan
- 4.1.3 Sebarang permohonan perubahan pada carta perbatuan dan belanjawan projek perlu diperaku dalam mesyuarat JKTGL2M dan mendapat kelulusan daripada INOVASI@UKM™.

4.2 LAPORAN AKHIR PROJEK

- 4.2.1 Laporan akhir projek perlu dikemukakan kepada Urus setia Geran Lab2Market tidak lewat dari dua (2) bulan selepas tarikh tamat projek melalui SMPU; dan
- 4.2.2 Ketua Projek dikehendaki membentangkan laporan akhir kepada INOVASI@UKM™ pada tarikh yang akan ditetapkan.

BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)

5.1 KEAHLIAN PROJEK

- 5.1.1 Sekiranya Ketua Projek tidak dapat meneruskan projek di atas sebab-sebab tertentu seperti tamat perkhidmatan, program sabatikal, menjalani sangkutan penyelidikan melebihi dua (2) bulan, masalah kesihatan atau meninggal dunia maka Ketua Projek/penyelidik bersama perlu mengisi Borang Permohonan Pertukaran/Memangku Ketua Projek/Penambahan Penyelidik Bersama (**UKM-SPKP-PIKPK03-BO12**).
- 5.1.2 Ahli projek tidak boleh terdiri daripada kakitangan Syarikat Kolaborasi.

5.2 PROJEK BERMASALAH DAN PENALTI

5.2.1 Projek bermasalah adalah seperti berikut:

- a) Projek yang tidak menunjukkan kemajuan selepas tiga (3) bulan pertama;
- b) Syarikat Kolaborasi menarik diri;
- c) Syarikat Kolaborasi gagal membuat bayaran sumbangan sebanyak 40%;
- d) Projek yang tidak mematuhi garis panduan;
- e) Projek tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang diluluskan; dan
- f) Projek tidak mencapai mana-mana output yang dinyatakan dalam Bahagian 1.8.

5.2.2 Jenis-jenis penalti adalah seperti berikut:

- a) Ketua Projek yang tidak mencapai output dalam Perkara 1.8 boleh disenarai hitam oleh INOVASI@UKM™ bagi tempoh dua (2) tahun;
- b) Projek boleh ditamatkan bagi Perkara 5.2.1 a); b); c); d); dan e); dan
- c) Syarikat Kolaborasi boleh disenarai hitam sekiranya berlaku Perkara 5.2.1 b).

5.3 PENGECUALIAN

Pertimbangan dan pengecualian terhadap syarat-syarat yang ditetapkan dalam garis panduan ini boleh diberikan berdasarkan keputusan JKP&P dan JKTGL2M.

BAHAGIAN 6: PERANAN

6.1 PUSAT INOVASI & PEMINDAHAN TEKNOLOGI (INOVASI@UKM™)

- 6.1.1 Memaklumkan pelawaan permohonan geran kepada Fakulti/Institut/Pusat;
- 6.1.2 Menerima dan memproses permohonan yang dihantar dan dibawa ke sesi penilaian;
- 6.1.3 Memaklumkan keputusan penilaian kepada pemohon;
- 6.1.4 Memberikan bimbingan dan bantuan kepada Ketua Projek dalam menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan projek;
- 6.1.5 Menilai prestasi kemajuan projek yang dijalankan;

Garis Panduan Geran Lab2Market
No. Rujukan : UKM-SPKPPP-PT(P)-INOVASI-AK04-
GP02 Garis Panduan Geran
Lab2Market
No. Semakan : 00
Tarikh Semakan : 1 Januari 2023

6.1.6 Mengesyorkan sebarang perubahan dalam projek apabila perlu.

6.2 KETUA PROJEK

- 6.2.1 Memenuhi syarat-syarat permohonan seperti yang dikehendaki;
- 6.2.2 Memberikan maklum balas Surat Pengakuan Penerimaan tawaran pada masa yang ditetapkan;
- 6.2.3 Memulakan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti dalam surat tawaran;
- 6.2.4 Mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Geran Lab2Market Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- 6.2.5 Memastikan projek berjalan dengan efektif untuk mencapai objektif penyelidikan dan carta perbatuan mengikut masa yang ditetapkan dengan jumlah peruntukan yang diberi;
- 6.2.6 Menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi daripada UKM dan Syarikat Kolaborasi;
- 6.2.7 Memastikan laporan kemajuan dan laporan akhir diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan;
- 6.2.8 Memastikan perbelanjaan mengikut jumlah seperti yang telah diluluskan; dan
- 6.2.9 Membuat permohonan tambah masa jika projek memerlukan masa tambahan; dan
- 6.2.10 Menguruskan aset mengikut Pekeliling Bendahari Bil.5/2019-Tatacara Pengurusan Aset Alih Universiti.

6.3 SYARIKAT KOLABORASI

- 6.3.1 Memberikan maklum balas setuju menerima tawaran dengan mengisi Surat Pengakuan Penerimaan tawaran pada masa yang ditetapkan;
- 6.3.2 Menandatangani Memorandum Perjanjian dan/atau Perjanjian Pelesenan Teknologi;
- 6.3.3 Menyalurkan sumbangan 40% fi komitmen/wang pendahuluan pelesenan kepada akaun projek sebelum Memorandum Perjanjian ditandatangani dengan menyertakan bukti pembayaran;

Garis Panduan Geran Lab2Market

No. Rujukan : UKM-SPKPPP-PT(P)-INOVASI-AK04-
GP02 Garis Panduan Geran
Lab2Market


No. Semakan : 00

Tarikh Semakan : 1 Januari 2023

- | | |
|-------|---|
| 6.3.4 | Fi komitmen ini adalah sebahagian daripada fi pelesenan. Sekiranya aktiviti pengkomersialan tersebut tidak diteruskan, maka fi ini tidak akan dikembalikan; |
| 6.3.5 | Memberikan kerjasama sewajarnya terhadap pelaksanaan projek termasuk memberi akses fasiliti, premis dan maklumat berkaitan projek kepada Ketua Projek untuk kemajuan pembangunan prototaip atau produk; |
| 6.3.6 | Syarikat Kolaborasi perlu memberikan maklum balas terhadap Surat Tawaran berkenaan pelesenan dalam masa yang telah ditetapkan; dan |
| 6.3.7 | Sekiranya berlaku konflik di antara Ketua Projek dengan Syarikat Kolaborasi, perkara tersebut perlu diselesaikan oleh kedua-dua belah pihak sebelum dirujuk kepada INOVASI@UKM™ untuk tindakan selanjutnya. |

BAHAGIAN 7: CARTA ALIR

LAMPIRAN A - CARTA ALIR PERMOHONAN GERAN L2M UKM



LAMPIRAN B – TAHAP KETERSEDIAAN TEKNOLOGI (TRL)

Jadual 1: Tahap Ketersediaan Teknologi (TRL)

TRL LEVEL	DESCRIPTION	CHARACTERISATION
TRL 1	Basic Principle	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Technology research ▪ Pure science begins translation to R&D
TRL 2	Formulation of Concept	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Early studies for application formulation ▪ Invention and Practical Application Begins.
TRL 3	Experimental Proof of Concept	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Analytical validation and proof of concept ▪ Start active research and development
TRL 4	Lab validation	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Validation in laboratory environment ▪ Ready to begin bridge for technology transition
TRL 5	Validation in real environment	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Validation in relevant environment ▪ Ready to enter technology development
TRL 6	Demonstration in real environment	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Demonstrated in relevant environment ▪ Ready to enter system development
TRL 7	Demonstration of prototype	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Demonstrated in operational environment ▪ Ready for limited production decision
TRL 8	System complete and qualified	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Compliant, qualified and test/demo complete ▪ Ready for operational evaluation
TRL 9	System proven	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Completed operational evaluation ▪ Ready for full-rate

Sumber:
 National Aeronautics and Space Administration (NASA) Technology Readiness Level (2012)

Garis Panduan Geran Lab2Market
No. Rujukan : UKM-SPKPPP-PT(P)-INOVASI-AK04-
GP02 Garis Panduan Geran
Lab2Market
No. Semakan : 00
Tarikh Semakan : 1 Januari 2023

SEBARANG PERTANYAAN / MAKLUMAT TAMBAHAN BOLEH DIAJUKAN KEPADA:

Urus setia Geran Lab2Market
Pusat Inovasi & Pemindahan Teknologi (INOVASI@UKM™)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Tel: 03-8921 4116, Faks: 03-8921 4114,
E-mel: nursuhana@ukm.edu.my